

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72nd ISSUE

info kampus



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1576

9 772232 157005

3rd Undergraduate and Postgraduate Colloquium of Applied Science Faculty, UiTM Sarawak

By Ch'ng Looi Chin

The event, with the theme "Soaring Upwards through Research Excellence", was carried out successfully on 20 June 2016 at FSG Auditorium, UiTM Sarawak Samarahan Campus 2. This event was a collaboration between Atta-ur-Rahman Institute of Natural Products Discovery (RiNDs) Sarawak Chapter and Centre of Applied Sciences Studies, *Universiti Teknologi MARA Sarawak*.

Dr. Atikawati officiated the event on behalf of Dato Rector followed by the keynote lecture entitled "Enhancing the capacity of your research and innovation" presented by Prof. Dr. Kopli Bujang, UNIMAS's Deputy Chancellor in Research and Innovation. Such a beneficial lecture opened up the mind of our students, both postgraduates and undergraduates, in terms of enhancing their capability in doing and exploring their area of interest. Next, was the plenary lecture from Dr. Corina, Course Coordinator (Graduate Research) in UiTM Sarawak. The sharing was on the enrolment process and potentials of postgraduate studies. It definitely motivated the students especially the Diploma students who attended the event.

Though this event was a platform mainly for our undergraduate and postgraduate students to defend and present their research findings to our panel examiners from both UiTM Sarawak and representatives from related industries, it certainly made a great impact in inspiring and motivating UiTM students as a whole to take part in research.




MAJLIS PENERIMAAN BATON SUKAN MALAYSIA XVIII SARAWAK 2016

Oleh: Tracy Adeline Ajol

Pada 27 Februari 2016, seramai 5 orang staf dan 29 orang pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menyertai Majlis Penerimaan Baton Sukan Malaysia XVIII Sarawak 2016. Majlis ini telah berlangsung di Dataran Pehin Setia Raja, Mukah bermula dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi. Majlis dimulakan dengan Senam Kenyalang setelah ketibaan para peserta larian baton, para jemputan dan orang ramai. Pada pukul 7.30 pagi, orang ramai menyambut ketibaan tetamu kehormat iaitu Yang Berhormat Yussibnosh bin Balo, ADUN N.51 Balingian dan diikuti nyanyian lagu Negaraku, Ibu Pertiwiku dan lagu SUKMA.

Selepas itu, majlis diteruskan dengan simbolik penyerahan Baton SUKMA XVIII dan pelepasan larian Baton oleh Yang Berhormat Yussibnosh bin Balo dan kemudiannya disusuli dengan Perasmian Simbolik Larian Baton SUKMA XVIII peringkat Bahagian Mukah. Acara penutupan adalah aktiviti Zumba. Kehadiran dan penglibatan staf dan pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Mukah amatlah baik dan ini menunjukkan sokongan dan komitmen terhadap aktiviti sihat dan aktif di luar kampus.





Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my